

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

PAUTAN SESI LATIHAN PENGISIAN PERMOHONAN DALAM PORTAL BAGI URUSAN PERSERAHAN MELALUI TERRA BOX DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan e-mel di bawah.

2. Berikutan tempat yang terhad untuk kehadiran fizikal, pihak Vendor telah menyediakan kemudahan sidang video (VC) bagi sesi latihan pengisian maklumat dalam portal bagi perserahan melalui *Terra Box* berdasarkan ketetapan berikut:-

Tarikh : 23 Julai 2026 (Khamis)

Masa : 9.30 pagi - 1.00 petang

Pautan Video : <https://meet.google.com/myr-uapm-drh>

3. Pautan tersebut adalah terhad kepada **lima ratus (500) peserta sahaja**. Justeru, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon untuk kerjasama untuk panjangkan kepada pihak - pihak yang tidak dapat hadir secara fizikal untuk menyertainya secara atas talian. Semoga dengan kehadiran kakitangan firma/ syarikat/ agensi YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke sesi latihan di atas, urusan pengisian permohonan *Terra Box* dapat dilaksanakan dengan teratur dan cermat.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Saya yang menjalankan amanah'



(MOHD NASRUL BIN MOHD NAWI)

Penolong Pengarah/ *Assistant Director*

Bahagian Pendaftaran Hakmilik/ *Title Registration Department*

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan/ *Federal Territories Director of Lands and Mines Office*

Alamat/ *Address* : Aras G - 6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur